

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 19 OGOS 2023  
AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 7

### **Ekonomi Malaysia tumbuh 2.9%**

# **Ekonomi Malaysia tumbuh 2.9%**

**PETALING JAYA** – Malaysia mencatatkan pertumbuhan ekonomi 2.9 peratus bagi tempoh suku tahun kedua 2023, berbanding 5.6 peratus yang direkodkan pada suku tahun pertama, menurut laporan Keluaran Dalam Negara Kasar oleh Jabatan Perangkaan.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Mohd. Uzir Mahidin berkata berkata, prestasi ekonomi bulanan meningkat secara marginal sebanyak 0.7 peratus pada April dan melonjak 5.6 peratus pada Mei sebelum kembali menyederhana kepada 2.4 peratus pada Jun 2023.

Pertumbuhan kukuh pada Mei 2023 disumbangkan oleh peningkatan sementara dalam permintaan global dan penggunaan isi rumah.

“Pertumbuhan ekonomi 2.9 peratus pada suku tahun kedua 2023 didorong terutamanya oleh sektor perkhidmatan dan pembinaan.